



## JASA

# JANUARI

Pepatah Melayu ada menyebut, "Hidup kayu berbuah, Hidup manusia berjasa". Sehubungan itulah perkataan pilihan DMNC kali ini ialah "Jasa". Jasa membawa maksud bakti, kebaikan, amalan, kebajikan, khidmat, guna, hasil, faedah, nilai, sumbangan dan berani. Jasa sering dikaitkan dengan pekerjaan baik yang kita sumbangkan terhadap nusa dan bangsa. "Terjunlah ke dalam laut, berjuanglah melawan gelombang, kerana imbalan perjuangan ini ialah keabdian, Hidup Biar Berjasa, Berjasa Kepada Masyarakat". Inilah yang menyentuh hati saya, betapa lama hidup ini biarlah berjasa.

Dalam kehidupan seharian kita, terapkanlah sikap berjasa. Bekerja, mentadbir, mendidik anak bangsa, mengutip sampah, menasihati kawan dan memberikan senyuman, itulah jasa kepada setiap insan di sekeliling kita. Kalau tak berjasa, mahukah kita digelar sampah masyarakat dan di mana arah tujuan kehidupan kita? Kita berjasa tidak kira umur, bangsa, pekerjaan ataupun negara. Sebagai contoh, tugas mendidik anak bangsa dikira berjasa kerana merupakan pelaburan terpenting membentuk generasi berkepimpinan bestari bagi negara pada masa hadapan.

Pepatah Melayu ada menyebut bahawa harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama. Dengan itu, kehidupan kita di dunia ini biarlah disulami dengan jasa bakti kepada orang lain supaya kehidupan kita sentiasa diberkati dan direhái Allah S.W.T. Akhir kata. Hidup biarlah berjasa. Manfaatkan hidup ini dengan menabur kebaikan dan kasih sayang. Catatkan pengalaman hidup sebaik mungkin agar dengan lakaran itu, mati kita sekadar beralih tubuh, namun kesannya tinggal bersinar menyuluh. Taburlah budi, hidup memberi... Selamat Menyambut Tahun Baru 2008.

## JUANG

Juang membawa maksud hendak mencapai atau memperolehi serta mempertahankan sesuatu matlamat dengan apa cara usaha sekali pun sama ada dengan tenaga, kekuatan atau kuasa. Semangat juang menjadi sebuah kata yang memiliki makna luar biasa dalam hidup. Dengan semangat juang menjadikan setiap waktu demi waktu dalam hidup yang sukar atau payah terasa lebih menyenangkan dan bermakna. Bagaimana rasanya makna beribadah yang rutin tanpa diikuti oleh sebuah semangat juang yang kuat untuk meraih keredhaan Allah SWT.

Semangat tersebut telah menjadikan setiap hari yang saya dan anda semua lalui dengan kegiatan rutin yang sama menjadi bermakna dan menyenangkan. Hidup ini tanpa semangat juang yang tinggi, tentu akan hampa dan membosankan. Kadang kala akan menjadikan "stress" dan ternyata salah satu ubat dalam menjalankan pekerjaan adalah dengan meningkatkan semangat juang yang ada dalam diri. Semangat juanglah yang menjadikan diri senang dengan pekerjaan kita dan Insya Allah moga akan diberkati.

Saudara/i sekalian, sebagai contoh, dalam kehidupan seharian, kita pernah menjumpai pensyarah atau pendidik yang berlabelkan "malas", mengajar apa adanya, selalu lengah waktu, seolah-olah tidak berminat terhadap pekerjaannya. Masih banyak yang menghabiskan waktu untuk mengumpat, membuang masa dan mencari alasan untuk menolak sebarang pekerjaan malah menyalahkan orang lain jika terjadi kegagalan atau bersungut-sungut kerana tidak mendapat penghormatan dan selalu bimbang terhadap kerjayanya. Jika keadaan ini berterusan, bagaimana pelajar-pelajar dapat belajar untuk meningkatkan kualitinya? Sesungguhnya, dengan daya juang yang

tinggi dalam tugas seharian maka lahirlah pendidik yang kritis, kreatif dan inovatif.

"Bekerja tekun penuh kesabaran, bekerja gigih penuh tanggungjawab, bekerja sempurna penuh keunggulan, bekerja keras penuh semangat berprestasi, bekerja serius penuh dedikasi, bekerja benar penuh spiritual. Semangat juang yang takkan pernah padam..."

## FOKUS

# FEBRUARI

Fokus membawa maksud memberikan tumpuan, atau menumpukan perhatian kepada sesuatu perkara yang sedang dilakukan.

Fokus memberi erti yang mendalam di dalam alam pekerjaan dan pembelajaran. Melalui fokus, kita akan berjaya membuat hasil yang baik dan lumayan. Malangnya tanpa fokus, ianya akan merugikan bukan sahaja kepada diri sendiri, malah manusia sejagat yang lain.

Apabila kita fokus dalam melakukan ses sebuah pekerjaan atau ketika sedang mengulangkaji pelajaran, kita akan merasa puas dengan hasil yang kita perolehi. Fokus juga dapat memberi manfaat dari segi penjimatan masa, wang dan tenaga kerana tumpuan yang sepenuhnya akan diberikan ketika melakukan sesuatu yang ingin dicapai.

Saudara/i sekalian, fokus juga boleh dikaitkan dengan matlamat atau objektif yang ingin dicapai dalam sesuatu pekerjaan yang dilakukan. Sebagai contoh, apabila pelajar MPP ingin melakukan sesuatu projek, sudah pasti ada matlamat yang ingin dicapai supaya kos, masa dan tenaga yang diperuntukkan untuk melakukan projek tersebut tidak dibazirkan. Apabila ingin mencapai matlamat dengan tepat dan berkesan, di sinilah fokus memainkan peranannya.

Selain itu, fokus juga boleh dikaitkan dengan kualiti. Bagaimana kita hendak menghasilkan projek yang berkualiti tanpa adanya fokus? Jadi, ayuhlah saudara/i sekalian, tanamkanlah sifat yang baik dan positif itu sebagai ikutan, dan yang buruk itu ditinggalkan sebagai sempadan. Sesungguhnya fokus yang diberikan untuk menghasilkan sesuatu yang terbaik tidak akan pernah mendatangkan kerugian, InsyaAllah.

## MAJU

# MAC

Saya memilih "Maju" sebagai perkataan DMNC pada kali ini. Pemimpin kita telah menetapkan wawasan bagi negara dan rakyat. Selepas kita melepassi 2020, kita terpaksa menghadapi wawasan 2057 pula, iaitu 49 tahun dari sekarang. Setiap individu khususnya rakyat Malaysia yang muda seperti anda sekalian sepatutnya mempunyai wawasan sendiri, satu wawasan yang tidak tinggi menggunung tetapi mampu direalisasikan mengikut kehendak zaman: iaitu kaya ilmu, tinggi inteleknya, perkasa ekonomi dan kuat agamanya. Wawasan peribadi kita wajar mengambilkira orang-orang tersayang dalam hidup kita. Kita menjadi orang seperti hari ini juga kerana orang lain. Ikon sahaja konsep zakat. 2.5 peratus dari apa yang kita kumpulkan dan wawaskan adalah untuk orang lain. Jika konsep ini menjadi tunggang wawasan setiap orang, kita sebenarnya memilih langkah untuk memakmurkan ummah khususnya orang-orang tersayang dan mereka yang berhampiran kita.

Menapak ke destinasi 2020 bukannya susah. Cabarannya hanyalah bagaimana kita mengurus diri sendiri untuk menjadi warga sebuah negara maju. Malanglah jika ada di antara kita yang masih kelabu atau samar-samar akan arah yang hendak kita tuju. Saya rasa hanyalah

# Dari Meja Naib Canselor

Malaysia sahaja negara yang telah menyediakan laluan jelas bagi rakyatnya. Kita mesti sokong usaha ini dan kita mesti bersyukur kerana berada dalam aman sentosa dan keadaan sentiasa diambil berat oleh pemerintah.

Sepatutnya kita menjadi warganegara yang lebih baik dan matang dan lantas laluan kita untuk menjadi warganegara, negara maju menjadi lebih mudah. Kita mahu orang melihat kita sebagai bangsa yang kuat bekerja dan bermaruah tinggi, berilmu dan berbudi mulia, menjunjung agama dan mendokong budaya bangsa. Maka barulah kita layak untuk mengakui sebagai warga negara maju.

Saudara/i sekalian,

Inilah secebis harapan saya. Marilah kita menjadi satu keluarga besar yang sentiasa mencari jalan mengakrabkan hubungan, menyemai bibit-bibit cinta akan negara dan seterusnya memperkasakan setiap usaha ke arah mencapai Wawasan 2020. Insyallah.

## MUTU

Saya memilih perkataan "Mutu" sebagai perkataan pilihan DMNC kali ini. Mutu membawa maksud taraf (kebaikan, kecerdasan, kepandaian, dll) atau kualiti. Mutu juga boleh ditakrifkan sebagai nilai-nilai untuk sesuatu kejayaan. Hal berkenaan mutu juga telah dikatakan oleh Dean & Evans dalam "Total Quality" (1994), konsep mutu menurut Dean & Evans adalah " meeting or exceeding customer expectations ". Kerana itu makna mutu bukanlah semata-mata menghasilkan produk dengan mutu yang baik, tetapi lebih jauh daripada itu. Mutu boleh didefinisikan sebagai bagaimana pelanggan (customer) atau pemegang taruh menerima sesuatu produk atau perkhidmatan yang bermutu itu dengan perasaan puas hati dan senang atau pun tidak. Saudara/i sekalian boleh mengaitkan perkataan mutu ini dengan perkataan "daya saing" dalam visi UniMAP itu sendiri iaitu "Institusi Akademik dan Penyelidikan yang Berdaya Saing di Persada Antarabangsa". Situasi "Berdaya-Saing" seperti yang disebutkan tadi memacu kepada peningkatan pemahaman terhadap pentingnya penciptaan mutu. Pada mulanya, mutu hanya dianggap penting sebagai nilai-nilai untuk penghasilan sebarang produksi. Sebaliknya, pemahaman mengenai mutu tidak lagi hanya berkisar pada penilaian terhadap produk, tapi juga perkhidmatan, "delivery time" dan harga. Bahkan mutu juga dikaitkan usaha untuk meningkatkan prestasi kerja bagi staf dan prestasi pelajaran atau markah bagi para mahasiswa UniMAP secara berterusan. Sepertimana yang pernah saya sebutkan dalam siri ucaptama yang lalu, saya menekankan sekali lagi betapa pentingnya UniMAP untuk memperbaiki kedudukan dalam semua jenis penarafan (rating) atau pemeringkatan (ranking) sebagai contoh Academic Reputation Survey (ARES). UniMAP telah meletakkan empat fasa pelaksanaan perancangan dan sasaran strategik yang akan menjadi milestone pencapaian UniMAP yang merangkumi Pemurnian Hala Tuju Universiti (2008-2010), Pemantapan dan Pemerkasaan (2011-2015), Cemerlang Sebagai Universiti yang Berdaya Saing (2016-2020) dan Universiti Berdaya Saing Peringkat Global (Melampaui 2020). Tiada matlamat lain yang telah disasarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atau UniMAP melainkan untuk menambahbaik kualiti atau mutu pengajaran dan pembelajaran.

Saudara/i sekalian, dalam usaha untuk meraih mutu secara menyeluruh beberapa karakter perlu diperaktikkan dalam urusan kerja harian. Warga UniMAP haruslah sentiasa berfokus kepada kepentingan pelanggan atau pemegang taruh. Kepimpinan yang matang pula dapat memacu organisasi pada suatu bentuk mutu yang diinginkan. Selain daripada itu, usaha terus menerus haruslah sentiasa disemai untuk menciptakan hasil yang jauh lebih baik. Namun begitu, kerjasama kumpulan (teamwork) yang baik samada internal organisasi atau pihak-pihak organisasi luar amatlah diutamakan dalam mencapai matlamat tersebut.

Sekiranya saudara/i sekalian mampu menciptakan mutu terbaik, maka seluruh warga UniMAP akan berasa bangga terutama ketika produk atau organisasi kita disebut-sebut dengan perasaan puas oleh masyarakat setempat di negeri Perlis mahupun seluruh negara. InsyAllah...